



## Siaran Akhbar

Untuk Hebahan Segera

### PELANCARAN I-GREAT SALAM GREAT EASTERN TAKAFUL

Ketenangan di Saat Anda Perlukannya. Ganjaran di Kala Anda Sihat

Kuala Lumpur, 01 April 2016 – Great Eastern Takaful Berhad (GETB) dengan sukacitanya mengumumkan pelancaran i-Great Salam, pelan Takaful Keluarga yang terbaru yang diperkenalkan kepada kumpulan produk GETB. i-Great Salam telah direka untuk memenuhi keperluan mereka yang inginkan akses kepada penjagaan kesihatan yang lebih baik.

Encik Zafri Ab Halim, Ketua Pegawai Eksekutif GETB berkata, “i-Great Salam ini adalah untuk mereka yang inginkan perlindungan yang lebih komprehensif, selain daripada pelan penjagaan kesihatan yang sedia ada. Dengan pelan ini, anda boleh mendapatkan akses kepada kemudahan perubatan jika didiagnosis awal. Apabila keperluan perubatan anda terjaga, anda dapat fokus untuk kembali sihat.”

“i-Great Salam merupakan jawapan kepada pelbagai laporan bagaimana seseorang terpaksa menangung beban kerana terperangkap tanpa sebarang persediaan apabila disahkan menghidap penyakit kritikal. Kami mahu anda menjadi lebih bersedia, jadi kami telah menyediakan manfaat-manfaat seperti; Pertama, Penambahan Jumlah Perlindungan secara automatik di mana anda dapat menikmati penambahan automatik sebanyak 5% ke atas jumlah perlindungan asas anda setiap tiga tahun sehingga 12 tahun terma sijil. Manfaat kedua, perlindungan di pelbagai tahap di dalam manfaat Kejadian yang Dilindungi; dan yang ketiga, menyediakan pelanggan kami baucar Manfaat Kesihatan selepas menyertai pelan ini selama 3 tahun. Kami mahu anda mengawal kehidupan anda dan menjalani kehidupan anda sepenuhnya.”

“Apabila orang awam mula sedar akan kepentingan penjagaan kesihatan, ditambah pula dengan kemajuan sector perubatan dan peluang pemeriksaan kesihatan, pengesanan awal penyakit kritikal menjadi semakin kerap. Manfaat Kejadian yang Dilindungi memberi pampasan pada 3 tahap kejadian penyakit kritikal yang berbeza seperti pada peringkat awal di mana pampasannya bernilai 50%, peringkat pertengahan di 100% dan peringkat akhir juga di 100%. Ia juga bertujuan untuk menyediakan manfaat bagi tahap kejadian yang kurang kritikal. Sebagai contoh anda mungkin tidak dapat membuat tuntutan untuk pembedahan pembuangan sebelah buah pinggang di bawah pelan penyakit kritikal yang biasa, tetapi dengan i-Great Salam, anda boleh berbuat demikian kerana manfaat tersebut mengikut peringkat kejadian.”

Tuntutan berganda boleh dibuat di bawah manfaat Kejadian yang Dilindungi selagi tuntutan yang dibuat menepati syarat-syarat awal yang ditetapkan dan tuntutan yang perlu dibayar adalah dalam had jumlah perlindungan. Sebagai contoh, sekiranya anda dikenalpasti menghidap Penyakit Parkinson pada peringkat awal, anda boleh membuat tuntutan peringkat awal sebanyak 50% dari jumlah perlindungan asas (dan jumlah perlindungan tambahan sekiranya pelan anda sudah berkuatkuasa melebihi 3 tahun). Anda boleh membuat tuntutan 50% terakhir di peringkat pertengahan apabila anda sudah dikenalpasti menghidap Penyakit Parkinson pada tahap yang sederhana. Anda juga boleh membuat tuntutan pada peringkat awal bagi dua penyakit kritikal yang berbeza sekiranya penyakit tersebut bukan dikategorikan di bawah kejadian yang sama.

Manfaat Elaun Hospital merangkumi kedua-dua jenis wad biasa dan juga Unit Penjagaan Rapi. Manfaat ini memastikan bahawa anda menerima elau tunai harian bagi setiap hari anda ditempatkan di dalam wad biasa dan dua kali ganda elau tunai harian sekiranya anda ditempatkan di dalam Unit Penjagaan Rapi. i-Great Salam ini layak dimiliki oleh mereka yang berumur di antara 30 hari sehingga 60 tahun dan terma perlindungan sehingga 85 tahun.

“Pelancaran produk ini amat penting bagi GETB kerana ia adalah di antara produk pertama pada tahun 2016 bagi saluran pengedaran agensi kami. Produk-produk seterusnya adalah khusus untuk Bankatakaful serta rakan kongsi Perniagaan Berkumpulan kami. Jangan lupa

untuk klik ‘like’ di facebook kami di [www.facebook.com/greateasterntakaful](http://www.facebook.com/greateasterntakaful) kerana kami akan mengadakan kuiz dengan pelancaran i-Great Salam. Kami juga mempunyai pelbagai rencana yang menarik, sama ada mengenai gaya hidup, peristiwa semasa dan tidak ketinggalan juga paparan motivasi. Untuk keterangan lanjut mengenai i-Great Salam dan produk-produk kami yang lain, layari laman web terbaru kami di [www.greateasterntakaful.com](http://www.greateasterntakaful.com)” ujar Encik Zafri.

Untuk keterangan yang lanjut mengenai i-Great Salam, sila hubungi 1300 13 8338. Brosur i-Great Salam boleh didapati melalui seksyen Penyelesaian Takaful di laman web kami ataupun anda boleh mengesan lokasi Perunding Takaful yang berdekatan dengan anda, semuanya melalui [www.greateasterntakaful.com](http://www.greateasterntakaful.com).

-Tamat-

---

#### Mengenai Great Eastern Takaful Berhad

Great Eastern Takaful Berhad adalah sebuah syarikat usaha sama di antara I Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak penubuhannya pada tahun 2010, Syarikat telah mencapai pelbagai kemajuan di mana ia dinamakan ‘Institusi Terbaru Islamik Terbaik 2011’; ‘Institusi Terbaru Takaful Terbaik’ pada 2012; dan ‘Pengendali Takaful Terbaik (Asia)’ pada 2013 di ‘Islamic Business & Finance Awards’ di Dubai.

---

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Zarina Idris, Brand & Marketing Communications, Tel: 03 4259 8336 atau e-mel: [Zarinaldris@greateasterntakaful.com](mailto:Zarinaldris@greateasterntakaful.com)

Zuwita Zaini, Brand & Marketing Communications, Tel: 03 4259 8334 atau e-mel: [ZuwitaZaini@greateasterntakaful.com](mailto:ZuwitaZaini@greateasterntakaful.com)